

**USUL DAN CADANGAN PINDAAN ATAU TAMBAHAN BAGI  
PERLEMBAGAAN PERSATUAN AIKIDO MALAYSIA**

BIL	USUL DAN CADANGAN	JAWAPAN	CATATAN
1.	<p>Untuk menambah objektif dan matlamat dalam Fasal 4 seperti berikut:</p> <p>4.1. (a) Untuk menyebarkan dan mengembangkan sukan Aikido menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh pengasasnya Morihei Ueshiba dan dipromosikan secara antarabangsa oleh <i>Aikikai Foundation</i> (Yayasan Aiki-Kai) iaitu Ibu Pejabat Aikido Dunia di Tokyo Jepun yang dikenali sebagai "Hombu" serta dikembangkan oleh pengasas yang dihantar ke Malaysia, Shihan Seiichi Sugano (Dan ke-8)</p> <p>4.1.(b) Untuk melaksanakan dan mengikut arahan teknikal dan etika aikido seperti yang ditafsirkan oleh Shihan Seiichi Sugano, dan setelah pemergian beliau atau ketidakmampuannya untuk meneruskan peranan ini, seperti yang ditafsirkan oleh PERSATUAN AIKIDO MALAYSIA serta membantu perlantikan kebangsaan dan ahli Jawatankuasa Pengajaran untuk membolehkan mereka memenuhi tanggungjawab peribadi masing-masing untuk menyebarkan dan mengembangkan sukan Aikido mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Morihei Ueshiba dan dipromosikan secara antarabangsa oleh Hombu dan mengikut arahan teknikal dan etika yang ditentukan oleh Shihan Seiichi Sugano, dan setelah pemergiannya, ditentukan oleh Jawatankuasa Pengajaran.</p>		
2.	<p>Untuk mengubah ayat "pertandingan" kepada "acara antarabangsa" kerana sukan Aikido tidak mempunyai pertandingan dan cadangan pindaan seperti berikut:</p> <p>Fasal 4:</p> <p>4.4 Untuk mewakili Negara Malaysia dalam mana-mana pertandingan sukan Aikido. Ditukar kepada</p> <p>4.4 <i>Untuk mewakili Negara Malaysia dalam mana-mana <u>acara antarabangsa</u> sukan Aikido.</i></p>		
3.	<p>Untuk meminda ayat untuk FASAL 6- KEAHLIAN Keahlian Persatuan ini terbuka kepada warga negara Malaysia dan terbahagi <u>kepada empat</u> (4) kategori seperti berikut:</p>		

	<p>Cadangan untuk ditukar kepada “ Keahlian Persatuan ini terbuka kepada warga negara Malaysia dan juga bukan warga negara Malaysia yang ingin menyertai persatuan itu. Jawatankuasa Induk harus menapis dan membuat keputusan untuk meluluskan keahlian tersebut. Jawatan kuasa boleh membatalkan keahlian sekiranya melakukan sesuatu perkara buruk yang boleh mencemar nama atau menggugat kedudukan persatuan. Ianya terbahagi kepada dua (2) kategori seperti berikut:</p>																		
4.	<p>Untuk menambah kenyataan bagi 6.1 Ahli Gabungan seperti berikut: 6.1.2 Setiap persatuan negeri yang berdaftar dan yang telah membayar yuran keahlian kepada persatuan kebangsaan.</p>																		
5.	<p>Cadangan pembatalan untuk kenyataan seperti nombor berikut dibawah: 6.1.2 Terdiri dari gabungan kelab-kelab sukan Aikido diperingkat negeri yang sah 6.2 Ahli Individu Terdiri daripada ahli-ahli tidak melebihi lima (5) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Persatuan dan boleh mengundi dan diundi 6.3 Ahli Bersekutu Terdiri dari persatuan, kelab dan pertubuhan yang menjalankan pelbagai kegiatan sukan selain dari sukan Aikido dan berdaftar secara sah di sisi undang-undang tetapi tidak boleh mengundi dan diundi</p>																		
6.	<p>Untuk membatalkan kenyataan yang tidak berkenaan bagi Fasal 7: Yuran Keahlian 7.1 Setiap ahli baru hendaklah membayar yuran pendaftaran dan tahunan kepada persatuan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Ahli</th> <th>Yuran Pendaftaran</th> <th>Yuran Tahunan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Ahli Gabungan</td> <td>RM30</td> <td>RM30 x bilangan ahli di dalam Gabungan</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Ahli Individu</td> <td>RM15</td> <td>RM30</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Ahli Bersekutu</td> <td>RM30</td> <td>RM20 x Bilangan</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Jenis Ahli	Yuran Pendaftaran	Yuran Tahunan	1.	Ahli Gabungan	RM30	RM30 x bilangan ahli di dalam Gabungan	2.	Ahli Individu	RM15	RM30	3.	Ahli Bersekutu	RM30	RM20 x Bilangan		
Bil	Jenis Ahli	Yuran Pendaftaran	Yuran Tahunan																
1.	Ahli Gabungan	RM30	RM30 x bilangan ahli di dalam Gabungan																
2.	Ahli Individu	RM15	RM30																
3.	Ahli Bersekutu	RM30	RM20 x Bilangan																


			ahli dalam Bersekutu		
4.	Ahli Kehormat	RM0	RM0		
<p>Cadangan pindaan seperti berikut:</p> <p><b>Fasal 7: Yuran Keahlian</b>  7.1 Setiap ahli baru hendaklah membayar yuran pendaftaran dan tahunan kepada persatuan kebangsaan seperti berikut:</p> <p><b>7.1.1 Ahli Gabungan</b>  Setiap ahli gabungan yang berdaftar secara sah dengan Pesuruhjaya Sukan hendaklah membayar yuran tahunan kepada persatuan kebangsaan sebanyak RM500 setiap tahun.  7.1.1 (a) Yuran tahunan ini yang ditetapkan ini akan disemak dan boleh ditukar dari masa ke semasa oleh persatuan kebangsaan dengan mengikut peraturan yang ditetapkan.  7.1.1 (b) Sekiranya persatuan negeri tidak dapat membayar yuran tahunan yang ditetapkan atas alasan yang munasabah, persatuan negeri hendaklah menulis surat dan memohon kepada persatuan kebangsaan dan keputusan rayuan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk.</p> <p><b>7.1.2 Ahli Kehormat</b>  Setiap ahli kehormat tidak perlu membayar sebarang yuran kepada persatuan kebangsaan.</p>					
7.	<p>Untuk membatalkan kenyataan berikut untuk:  <b>10.2 Ahli Bersekutu</b>  Ahli bersekutu tidak berhak mengundi dan diundi tetapi boleh menghantar dua (2) orang wakil bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan sebagai pemerhati.</p>				
8.	<p>Untuk menambah kenyataan bagi  <b>FASAL 12: MESYUARAT AGUNG</b>  12.1 (a) Mesyuarat Agung Tahunan ini akan dihadiri oleh dua(2) orang wakil yang sah yang dipilih oleh ahli gabungan bagi setiap persatuan negeri.</p>				
9.	<p>Untuk menambah bagi  FASAL 17 :JAWATANKUASA -JAWATANKUASA  laitu:  17.7 Jawatankuasa Pengajaran (Teaching Committee)</p>				

10.	<p>Untuk menambah bagi</p> <p>FASAL 18.5.1 Tugas Pengerusi Jawatankuasa- Jawatankuasa</p> <p>iaitu</p> <p>vii) Jawatankuasa Pengajaran</p> <p>Pengerusi jawatankuasa ini hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Pangajaran dan melantik ahli jawatankuasanya.</p> <p>Jawatankuasa Pengajaran bertanggungjawab untuk memulakan dan menyusun kursus dan ujian dan silibus ujian atau peperiksaan serta pengeluaran gred, serta mengeluarkan kelayakan dan pensijilan untuk pengajar mengikut garis panduan dan nasihat yang diberikan oleh Shihan Seiichi Sugano dan selaras dengan garis panduan dari ibu pejabat (Hombu) Aikido di Jepun.</p> <p>Jawatan Pengajaran haruslah mempunyai taraf yang tertinggi dalam Persatuan Kebangsaan dan merupakan ahli paling kanan dan berpengalaman dalam pengajaran teknikal Aikido.</p> <p>Jawatankuasa Pengajaran bertanggungjawab memastikan pengajaran dan amalan Aikido dalam persatuan adalah selaras dengan arahan teknikal dan etika yang ditetapkan oleh Shihan Seiichi Sugano dan selepas pemergiannya seperti yang ditetapkan oleh Persatuan Kebangsaan.</p> <p>Jawatankuasa Pengajaran bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti seperti penyusunan jadual pengajaran, demonstrasi, ceramah, kursus, ujian kelayakan untuk, dan pelantikan pengajar dan semua aktiviti lain yang perlu atau diingini untuk penyebaran dan kemajuan amalan dan latihan Aikido.</p>		
-----	--	--	--



.....  
Nama: Raja Sazita Bt Raja Ah. Siffudin  
Jawatan : Setiausaha Kehormat

Tarikh: 14 Jun 2024



.....  
Nama: Yap Yew Wei  
Jawatan : Presiden

Tarikh: 14 Jun 2024